

P.U. (A) 397.

ORDINAN BINATANG 1953

UNDANG-UNDANG KECIL STESYEN KUARANTIN BINATANG PERSEKUTUAN (PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN) 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 81 (1) Ordinan Binatang 1953 [17/53], Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan membuat undang-undang kecil yang beriku:

Nama dan mula berkuatkuasa

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Stesyen Kuarantin Binatang Persekutuan (Pengurusan dan Penyenggaraan) 1984** dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang disiarkan dalam *Warta*.

[*Tarikh mula kuat kuasa: 26 Oktober 1984- P.U.(A) 397/1984*]

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain-

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan, Malaysia dan termasuklah Timbalan Ketua Pengarah;

"pegawai penjaga" ertinya pegawai yang menjaga stesyen kuarantin yang dilantik di bawah undang-undang kecil 4 dan termasuklah mana-mana orang yang dilantik di bawah undang-undang kecil 5 untuk menjalankan tugas pegawai penjaga;

"Pengarah" ertinya Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri;

"stesyen kuarantin" ertinya stesyen kuarantin persekutuan yang dinyatakan dalam Jadual.

Pengawasan am

3. Tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah, Pengarah hendaklah bertanggungjawab atas pengawasan am stesyen kuarantin.

Pegawai penjaga

4. Pengarah hendaklah melantik secara bertuhs seorang sebagai Pegawai pegawai penjaga stesyen kuarantin yang hendaklah bertanggung-jawab kepada Pengarah bagi pengurusan, penyenggaraan dan pengawalan harian stesyen kuarantin itu.

Ketidakupayaan pegawai penjaga

5. Jika, pegawai penjaga tidak berupaya melaksanakan tugastugasnya, oleh sebab sakit atau oleh kerana apa-apa sebab lain, Pengarah hendaklah melantik secara bertulis seorang lain untuk melaksanakan tugas-tugas pegawai penjaga itu dalam masa tempoh ketidakupayaannya itu.

Kemasukan dan penerimaan binatang dan orang

6. Tiada binatang atau orang boleh dibenarkan masuk ke stesyen kuarantin tanpa kebenaran pegawai penjaga, dan tiada binatang boleh diterima masuk ke dalam stesyen kuarantin di antara pukul 6 petang dan 6 pagi.

Lesen atau permit untuk mengimport

7. Tiada binatang boleh diterima masuk ke dalam stesyen kuarantin melainkan jika terdapat suatu lesen atau permit untuk mengimport dikeluarkan oleh Pengarah atau Ketua Pengarah mengenainya.

Binatang-binatang berpenyakit

8. Tiada binatang yang berpenyakit atau apa-apa binatang yang telah bersentuhan dengan binatang-binatang berpenyakit boleh diterima masuk ke dalam stesyen kuarantin.

Tempoh kuarantin

9. Tempoh kuarantin di stesyen kuarantin itu ialah sepuluh hari genap atau tempoh lain yang munasabah sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah; hari yang pertama dikira selepas binatang yang terakhir telah diterima masuk ke dalam stesyen kuarantin.

Tanggungjawab memberi makan dan menjaga

10. Pemunya atau pengimport binatang-binatang hendaklah bertanggungjawab memberi makan dan menjaga semasa dalam kuarantin dan hendaklah mematuhi semua perintah, arahan dan petunjuk yang sah di sisi undang-undang berhubungan dengannya yang diberi oleh pegawai penjaga.

Makanan bagi binatang-binatang

11. Semua makanan yang dibekalkan dan diberi kepada binatang-binatang dalam stesyen kuarantin hendaklah datang dari kawasan yang bebas dari penyakit.

Masuk dan keluar

12. Tiada orang boleh memasuki atau meninggalkan stesyen kuarantin melainkan dengan melalui pintu pagar yang diperuntukkan.

Prosedur mencegahjangkit

13. Tiap-tiap orang yang memasuki atau meninggalkan stesyen kuarantin hendaklah menjalani semua prosedur pencegahjangkit sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai penjaga.

Memasuki kandang binatang

14. Tiada atendan atau -orang yang menjaga binatang dalam kuarantin boleh memasuki mana-mana kandang binatang dalam stesyen kuarantin itu lain daripada kandang di mana binatang-binatang do bawah jagaannya disimpan.

Kenderaan dan barang-barang

15. Tiada seorang, tanpa kebenaran pegawai penjaga, boleh membawa masuk ke dalam stesyen kuarantin-

- (a) apa-apa kenderaan atau pengangkutan lain kecuali dengan tujuan untuk meletaknya di mana-mana tempat yang diuntukkan bagi maksud itu; atau
- (b) apa-apa barang lain yang tidak perlu bagi kerja di stesyen kuarantin.

Penggunaan kemudahan-kemudahan

16. Tiap-tiap orang, se.masa berada dalam stesyen kuarantin, hendaklah mematuhi semua perintah, arahan dan petunjuk yang sah di sisi undang-undang yang diberi oleh pegawai penjaga, berkenaan dengan penggunaan kemudahan-kemudahan yang disediakan di stesyen kuarantin itu termasuklah air, letrik dan tandas.

Pemeriksaan binatang dalam masa kuarantin

17.(1) Semua binatang dalam masa kuarantin adalah tertakluk kepada pemeriksaan harian yang dibuat oleh pegawai penjaga stesyen kuarantin itu.

(2) Binatang-binatang itu boleh juga tertakluk kepada apa-apa tindakan seperti persuntikan, pemeriksaan darah atau apa-apa pemeriksaan klinikal lain sebagaimana yang disifatkan secara munasabahnya perlu oleh Pengarah atau pegawai penjaga itu.

Rawatan atau permusnahan binatang-binatang

18. Jika sesuatu penyakit didapati di kalangan binatang-binatang dalam kuarantin, binatang-binatang itu bolehlah dirawat atau dihapuskan dengan apa-apa cara sekalipun yang Pengarah atau pegawai penjaga fikirkan patut dan pemunya tidaklah berhak untuk mendapat apa-apa pampasan bagi kerugian yang dialami oleh sebab rawatan atau permusnahan tersebut, dengan syarat bahawa pemunya tersebut telah diberi notis tentang penyakit, rawatan atau permusnahan itu.

Kebenaran untuk memindah

19. Tiada binatang boleh dipindahkan dari stesyen kuarantin Kebenaran tanpa kebenaran Pengarah atau pegawai penjaga.

Perakuan

20. Tiada binatang boleh dilepaskan dari stesyen kuarantin perakuan. kecuali dengan suatu perakuan dari Pengarah atau pegawai penjaga yang bertindak bagi pihak Pengarah yang binatang itu adalah bebas daripada penyakit.

Memindah binatang-binatang

21.(1) Semua binatang yang telah menjalani tempoh kuarantin yang perlu dan telah dikeluarkan dengan perakuan hendaklah dipindahkan dari stesyen kuarantin dalam tempoh dua hari selepas hari yang ditetapkan bagi melepaskannya atau, dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh Pengarah.

(2) Jika binatang-binatang tidak dipindahkan dalam tempoh yang ditetapkan atau diluluskan itu, mengikut mana yang berkenaan, binatang-binatang itu hendaklah dilepaskan mengikut prosedur Kerajaan dan apa-apa hasil yang didapati hendaklah dikreditkan kepada Kerajaan.

Notis bagi melepaskan

22. Pemunya atau pengimport binatang-binatang hendaklah diberi notis yang munasabah mengenai hari yang ditetapkan bagi melepaskan binatang-binatang.

Notis pemindahan

23. Pegawai penjaga atau Pengarah hendaklah memberitahu Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri bagi Negeri ke mana binatang-binatang yang meninggalkan stesyen kuarantin itu dikirim mengenai maklumat seperti nama pemunya binatang-binatang dan destinasiya.

Cara pemindahan

24.(1) Binatang-binatang tidak boleh dipindahkan dari stesyen Cara kuarantin melainkan dengan menaiki truk, wagon, lori, vesel, pemindahan. kenderaan atau pengangkutan lain yang telah dicegahjangkit dengan memuaskan hati Pengarah atau pegawai penjaga dan kerja memuatkan binatang-binatang yang dilepaskan tidak boleh dilakukan melainkan di antara pukul 6 pagi dan 6 petang.

(2) Kenderaan yang dimuatkan dengan binatang-binatang yang dibebaskan hendaklah dimeteraikan oleh pegawai penjaga.

Pengiriman binatang-binatang

25.(1)Tiada apa-apa binatang boleh dikenakan ditinggal di antara pengirim-pengirim binatang-binatang dan pengiriman tersebut hendaklah menerima-pakai sistem "masuk-semua, keluar s;,,mua".

(2)Tiada binatang boleh diterima masuk sebelum binatang terakhir yang dikremkan terlebih dahulu telah dibebaskan dari suatu stesyen kuarantin dan stesyen kuarantin itu telah dibersihkan dan dicegahjangkitkan.

Jadual mengimport

26. Semua pengimport dan ejen hendaklah memberitahu Pengarah atau pegawai penjaga mengenai bilangan binatang-binatang yang akan diimport dan hendaklah mengikut jadual mengimport yang dikeluarkan oleh Pengarah.

Fee kuarantin

27. Fee kuarantin hendaklah dicajkan sebagaimana ditetapkan di bawah seksyen 81 (2) Ordinan Binatang 1953 [17/53] dan amaun fee kuarantin yang didapati hendaklah dinyatakan dalam perakuan.

Penalti

28. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada Undang-undang Kecil ini atau mana-mana perintah, arahan atau tetunjuk yang sah di sisi undang-undang yang diberi di bawahnya boleh dikenakan denda sebanyak seratus ringgit.

Pemansuhan

29. Undang-undang Kecil bagi Mengawalselia Pengurusan dan Penyenggaraan Stesyen Kuarantin Binatang Padang Besar 1958 dan Undang-undang Kecil Stesyen Kuarantin Binatang Pelabuhan Kelang (Pengurusan dan Penyenggaraan) 1974 [*P. U. 278/58 & P. U. (A) 184/74*] adalah dengan ini dimansuhkan.

Pengecualiann

30. Tiada apa-apa dalam Undang-undang Kecil ini boleh menjejaskan perjalanan dahulu, atau apa-apa yang dilakukan di bawah peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil bagi Mengawalselia Pengurusan dan Penyenggaraan Stesyen Kuarantin Binatang Padang Besar 1958 dan Undang-undang Kecil Stesyen Kuarantin Binatang Pelabuhan Kelang (Pengurusan dan Penyenggaraan) 1974 [*P. U. 278/58 & P.U. (A) 184/74*] yang diluluskan sebelum mula berkuatkuasanya Undang-undang Kecil ini:

Dengan syarat bahawa apa-apa hak, kebebasan, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan yang wujud menurut kuasa Undang-undang Kecil yang disebutkan di atas, pada masa mula berkuatkuasanya Undang-undang Kecil ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan Undang-undang Kecil ini, kecuali ianya diperuntukkan selainnya dengan nyata kemudian daripada ini.

JADUAL

(Undang-undang Kecil 2)

*[Jadual ini telah dipinda oleh P.U. (A) 116/2008
dan tarikh mula kuat kuasa ialah 18/4/2008]*

- (1) Stesen Kuarantin Binatang Padang Besar, Padang Besar, Perlis;
- (2) Stesen Kuarantin Binatang Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Kelang, Selangor;
- (3) Stesen Kuarantin Binatang Rantau Panjang, Rantau Panjang, Kelantan;
- (4) Stesen Kuarantin Binatang Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, Selangor;
- (5) Stesen Kuarantin Binatang Batu Maung, Pulau Pinang; dan
- (6) Stesen Kuarantin Binatang Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan.

Diperbuat pada 9hb September 1984.
[DVS. 7000/II; PN. (PU²) 195/II.]

DR AHMAD MUSTAFFA BIN HAJI BABJEE,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan